



جامعة السلطان الشري夫 علي الإسلامية
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI
SULTAN SHARIF ALI ISLAMIC UNIVERSITY

Fakulti Syariah dan Undang-Undang Semester III, Sesi Akademik 2021/2022

Kertas Soalan Peperiksaan Akhir

Kod Kursus : SD0307

Nama Kursus : Al-Qawa'id Al-Fiqhiyyah

Peringkat Kursus : Diploma Tertinggi Kebangsaan

Masa : 3 jam

Nota :

Jawab semua soalan-soalan berikut.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Soalan Pertama (17 markah)

1. Terangkan **TIGA (3)** faedah mempelajari ilmu Kaedah Fiqh. (3 markah)
2. Terangkan secara ringkas mengenai **zaman mutakhir** bagi Kaedah Fiqh. (4 markah)
3. Terangkan pengertian “kaedah” dari segi bahasa beserta contoh. (5 markah)
4. Adakah Kaedah Fiqh wujud pada zaman sahabat Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam (peringkat kedua)? Terangkan dan sertakan contoh. (5 markah)

Soalan Kedua (17 markah)

1. Sebutkan makna kaedah Al-Yaqinu La Yuzalu Bi Al-Syak dan terangkan huraiannya. (3 markah)
2. Hakim mengadili hukuman antara dua orang, iaitu pemilik hutang dengan orang yang berhutang berselisihan antara keduanya. Di mana orang yang berhutang mengatakan telah melunaskan hutang tersebut, namun pemilik hutang menafikannya dengan sumpah. Berikan kaedah pecahan bagi masalah ini dan terangkan hukumnya. (3 markah)
3. Berikan **TIGA (3)** contoh bagi kaedah “Keperluan atau hajat diletakkan pada kedudukan darurat, samada umum atau khusus”. (3 markah)
4. Berikan **TIGA (3)** contoh hukum furu’ kaedah Al-Masyaqqah Tajlibu Al-Taysir. (3 markah)
5. Terangkan makna kaedah Al-Masyaqqah Tajlibu Al-Taysir dan huraiannya. (5 markah)

Soalan Ketiga (14 markah)

1. Terangkan makna dan huraian kaedah Al-Umuru Bi Maqasidiha. (4 markah)
2. Sebutkan **DUA** (2) contoh bagaimana niat boleh membezakan ibadat dengan adat. (2 markah)
3. Berdasarkan kaedah Al-Umuru Bi Maqasidiha, terangkan hukum bagi perkara-perkara berikut:
 - a. Ali mencuri alat muzik yang melalaikan. (2 markah)
 - b. Memerah anggur. (2 markah)
 - c. Fatimah membaca ayat-ayat Al-Quran dalam solat dengan nyaring ketika ibunya sedang memanggilnya. (2 markah)
4. Berikan **DUA** (2) contoh bagi kaedah pecahan “Apa yang dipegang dalam akad itu ialah maksud dan makna, bukan lafaz dan bentuk perkataan.” (2 markah)

Soalan Keempat (12 markah)

1. Huraikan kaedah-kaedah pecahan berikut dan sertakan **SATU** (1) contoh bagi setiap kaedah.
 - a. “Apabila sesuatu itu sempit, hukumnya menjadi luas”. (3 markah)
 - b. “Keadaan darurat ditentukan menurut kadarnya”. (3 markah)
 - c. “Kemudaratan lebih berat dihilangkan dengan melaksanakan kemudaratan lebih ringan”. (3 markah)
 - d. “Menolak kerosakan didahulukan daripada mengambil kemaslahatan”. (3 markah)